



PELAN ANTIRASUAH

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM TERENGGANU

2023 - 2027



قَرِيَادَنْ قَرْ قُوْسْتَاكَانْ عَوَامْ تِرْغِيَكَانْ
PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM
TERENGGANU
<https://www.trglib.gov.my>



PELAN ANTIRASUAH


PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM TERENGGANU
2023 - 2027

Diterbitkan Oleh :

Jawatankuasa Pembangunan OACP
Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu,
Jalan Kemajuan, Padang Hiliran,
21572 Kuala Terengganu,
Terengganu.

Hak Cipta Terpelihara © Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu

Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, diulangkan, disimpan untuk pengeluaran, atau disiarkan dalam apa-apa jua perkara sama ada secara elektronik, fotokopi, fizikal, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Unit Integriti PPAT.



ISI KANDUNGAN

AMANAT PENGARAH

01

KOMITMEN PENGURUSAN

02

PENGENALAN

03

- Selayang Pandang
- Ringkasan Eksekutif
- Visi & Misi
- Fungsi
- Nilai Bersama
- Piagam Pelanggan
- Pemegang Taruh

CABARAN MENANGANI RASUAH

10

- Punca Masalah
- Keperluan Pembangunan OACP
- Pembangunan OACP
- Pelaksanaan OACP
- Analisis Persekutaran
- Perancangan Senario

ANALISIS DATA

18

- Aduan Integriti
- Tindakan Tatatertib
- Laporan Pengurusan
- Soal Selidik Integriti
- Penilaian Risiko
- Analisis Risiko

INISIATIF

26

- Visi , Misi & Matlamat
- Kerangka OACP
- Bidang Keutamaan
- Strategi
- Objektif Strategik
- Inisiatif & Pelan Tindakan

PEMANTAUAN & PENILAIAN

39

- Mekanisme Penyelarasan & Penilaian
- Mekanisme Pelaporan
- Format Pelaporan

PENUTUP

43

- Glosari

AMANAT PENGARAH

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَّكَاتُهُ

Salam sejahtera.

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat ALLAH S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, dapat kita realisasikan penerbitan Pelan Antirasuah Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu (OACP PPAT) 2023–2027. Besarlah harapan dan impian saya agar seluruh warga PPAT bersama-sama berganding bahu menjayakan agenda murni ini melalui pembangunan dan pelaksanaan OACP PPAT ini.

Pelan Antirasuah PPAT ini merupakan pelan tindakan bersasar yang merangkumi aspirasi, matlamat, halatuju dan inisiatif sebagai salah satu langkah kawalan dalaman untuk menangani risiko perlakuan jenayah rasuah dan pelanggaran integriti oleh warga kerja. Pelan ini hendaklah dijadikan panduan kepada seluruh warga PPAT untuk memperkuatkan nilai jati diri daripada terjebak dengan jenayah rasuah serta pelanggaran integriti. Langkah kawalan sedia ada dan kawalan tambahan melalui pembangunan OACP ini juga diharapkan dapat membantu PPAT mencapai visi, misi dan objektif penubuhannya dengan lebih mudah dan seterusnya dapat memperkuatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan PPAT kepada masyarakat.

Saya meletakkan harapan yang cukup tinggi kepada seluruh warga kerja PPAT untuk sama-sama memastikan organisasi ini bersih daripada sebarang amalan yang boleh mencemari reputasinya.

Wassalam.



Puan Norliza Binti Ismail

**Pengarah
Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu**

KOMITMEN PENGURUSAN TERTINGGI

Pelan Antirasuah PPAT (OACP) 2023-2027 merupakan usaha PPAT dalam mendukung aspirasi kerajaan dan masyarakat Malaysia untuk membanteras salah laku rasuah di negara ini. OACP merupakan satu pelan yang komprehensif dan inklusif dalam menangani risiko rasuah, integriti dan tadbir urus di PPAT.

Setiap pelan tindakan dan inisiatif yang terkandung dalam OACP ini adalah hasil daripada perbincangan meliputi semua aspek yang berkait rapat dengan kefungsian PPAT. OACP ini diharapkan menjadi pemangkin untuk mengatasi kelemahan integriti dan tadbir urus jabatan secara menyeluruh.

Kami bertekad dan berjanji untuk memastikan PPAT bebas daripada gejala rasuah dan akan mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana warga yang mencemari integriti organisasi ini. Kami menyeru seluruh warga PPAT untuk menjadikan Pelan Antirasuah ini sebagai satu mekanisma penting dalam memastikan peranan dan tanggungjawab mempertahankan integriti organisasi terlaksana.




PENGENALAN

“Wahai manusia! Makanlah makanan daripada apa yang ada di bumi yang halal lagi baik dan janganlah kamu mengikut jejak langkah syaitan. Sesungguhnya syaitan itu ialah musuh nyata bagi kamu.”

Al-Baqarah, Ayat 168

SELAYANG PANDANG



RINGKASAN EKSEKUTIF

VISI & MISI

Pelan Antirasuah PPAT (OACP) 2023-2027 merupakan dasar peringkat jabatan yang dibangunkan selari dengan strategi 2.1.5 Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023. Pelan Antirasuah ini telah dibangunkan pada tahun 2022 oleh Jawatankuasa Pembangunan OACP PPAT.

Pelan ini bertujuan untuk menangani tiga (3) isu utama iaitu rasuah, integriti dan tadbir urus. PPAT berusaha memantapkan tadbir urus, integriti dan anti rasuah dalam sistem pengurusannya melalui OACP dengan menyediakan halatuju dan inisiatif pencegahan yang berstruktur dan jelas. Ia adalah dokumen penting yang dijadikan panduan oleh seluruh warga PPAT.

Visi OACP kami adalah "Memacu PPAT ke arah bebas rasuah dan berintegriti" berdasarkan empat (4) bidang keutamaan iaitu Pengurusan dan Sumber Manusia, Pembangunan, Perolehan dan Kewangan serta Perkhidmatan. Oleh itu, sebanyak empat (4) Strategi, tujuh (7) Objektif Strategik yang telah digariskan dan dua puluh satu (21) Inisiatif perlu dilaksanakan dalam mencapai matlamat OACP.

Pelan ini akan dipantau berdasarkan mekanisme pelaksanaan, pemantauan dan penilaian yang turut dinyatakan dalam OACP ini bagi memastikan pelan ini berjaya dan sentiasa relevan.

VISI

01

Peneraju Perkhidmatan
Perpustakaan Yang
Terunggul

MISI

01

Menyediakan Prasarana Dan
Sumber Ilmu Yang Lengkap,
Terkini Dan Kondusif Untuk
Seluruh Masyarakat

02

Memupuk Budaya Membaca
Dan Pembelajaran Sepanjang
Hayat

03

Mengumpul Dan Memelihara
Warisan Intelek Negeri

04

Membina Masyarakat
Berilmu Dan Berintegriti

FUNGSI PPAT

Sebagaimana Yang Terkandung Dalam Enakmen Bil. 7/1974



NILAI BERSAMA

KERJASAMA BERPASUKAN

PROFESIONAL DALAM PENUGASAN

Sentiasa meningkatkan ilmu dan kemahiran bagi menghasilkan perkhidmatan yang cekap, cepat dan tepat serta memiliki ciri-ciri kreatif, inovatif, bermotivasi, berdaya saing dan akauntabiliti.

INTEGRITI

KONSEP A.J.I

AMANAH

Menjadikan tugas yang dijalankan sebagai satu tanggungjawab

JUJUR

Melaksanakan tanggungjawab dengan berdisiplin dan berkemah

IKHLAS

Memberikan perkhidmatan yang terbaik tanpa mengharapkan sebarang balasan

MESRA PELANGGAN

KONSEP 3B

BERSIH

Dari segi kebersihan tempat kerja dan persekitaran bangunan

BAGUS

Dari segi kemudahan, koleksi dan prasarana perkhidmatan

BAIK

Dari segi layanan mesra dan perkhidmatan kepada pelanggan

PIAGAM PELANGGAN

Kami berjanji akan



PEMEGANG TARUH DAN PELANGGAN



PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM TERENGGANU



CABARAN MENANGANI RASUAH

“Dan janganlah kamu makan harta orang lain antara kamu dengan jalan yang batil, dan janganlah kamu menghulurkan harta kamu memberi rasuah kepada hakim-hakim supaya kamu dapat mengambil sebahagian daripada harta orang dengan cara berbuat dosa padahal kamu mengetahui salahnya”.

Al-Baqarah, Ayat 188

PUNCA MASALAH

Kajian analisa mendapati terdapat dua peringkat perkhidmatan di PPAT yang terdedah kepada isu rasuah, integriti dan tadbir urus iaitu di peringkat Kumpulan Pengurusan dan Pelaksana.

Terdapat tiga faktor utama yang dikenalpasti menjadi punca utama kepada kelemahan integriti, tadbir urus dan anti rasuah di kalangan warga :

Simptom

- > Kewujudan risiko berlaku rasuah
- > Peningkatan isu integriti
- > Masalah tadbir urus

Masalah

- > Kesedaran
- > Kecenderungan

Punca

- > Nilai Integriti individu yang lemah
- > Kelemahan sistem prosedur kerja
- > Kelemahan penyeliaan dan pemantauan ke atas pelaksanaan kerja



KEPERLUAN PEMBANGUNAN OACP

Pelan Antirasuah PPAT (OACP) 2023-2027 merupakan satu dokumen dasar antirasuah peringkat organisasi yang dibangunkan bertujuan untuk menangani permasalahan dan kelemahan antirasuah, integriti dan tadbir urus (governans) dalam sesebuah organisasi.

Pembangunan OACP PPAT ini merupakan salah satu inisiatif mandatori di bawah Strategi 2 Pelan Antirasuah Nasional (National Anti-Corruption Plan – NACP) 2019-2023 iaitu memperkuatkkan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam.

Pelaksanaan OACP PPAT merangkumi semua aspek berkaitan antirasuah, integriti dan tadbir urus yang melibatkan semua bidang dan aktiviti yang terdapat di PPAT.



PEMBANGUNAN OACP

Jawatankuasa Pembangunan OACP PPAT telah ditubuhkan pada 25 Januari 2022 melalui lantikan pada Mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah (JAR) peringkat Jabatan yang dipengerusikan oleh Pengarah PPAT. Penubuhan Jawatankuasa Pembangunan OACP PPAT ini adalah sebagai menyambut inisiatif di bawah Pelan Antirasuah Nasional (NACP) bagi merangka dan menyediakan Pelan Antirasuah mengikut keperluan jabatan yang meliputi isu-isu dalaman berkaitan kelemahan integriti, tadbir urus dan antirasuah yang harus ditangani.

Mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah PPAT Bil.1/2022 juga telah melantik Ketua Bahagian Khidmat Pengurusan sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan OACP PPAT manakala ahli jawatankuasa terdiri daripada wakil setiap bahagian yang turut dilantik pada mesyuarat tersebut.

Unit Integriti PPAT ditugaskan sebagai urusetia untuk bersama-sama membangun dan menyediakan Pelan Antirasuah ini dengan kerjasama dan bimbingan daripada Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA). Status pembangunan Pelan Antirasuah PPAT ini dilaporkan terus oleh Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan OACP PPAT secara berkala kepada pengurusan tertinggi dan turut dilaporkan dalam Mesyuarat JAR Jabatan.



PEMBANGUNAN

OACP



Kursus Pembangunan OACP Siri 4 Tahun 2022
23-26 Mei 2022

PELAKSANAAN OACP



Pelan Antirasuah PPAT merupakan satu pelan tindakan yang bersasar untuk tempoh pelaksanaan lima (5) tahun mulai dari tahun 2023 hingga 2027. Pembangunan dan perlaksanaannya adalah mengikut Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2018 Siri 2 No. 1 Tahun 2019 Pemantapan Tadbir Urus, Integriti Dan Antirasuah Dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia : Pelaksanaan Pelan Antirasuah Nasional. Pembangunan OACP ini juga turut mengambil kira Pelan Strategik PPAT 2021- 2025.



Mesyuarat Penilaian Pencapaian Pelan Strategik PPAT 2021-2022

ANALISIS PERSEKITARAN

Kaedah SWOT Analysis, Root Cause Analysis, Perancangan Senario, dan Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) digunakan untuk menilai persekitaran serta mengenalpasti faktor yang boleh dikawal dan yang tidak boleh dikawal dalam pembangunan OACP.

Data dalaman yang terdiri daripada statistik kesalahan tatatertib, aduan-aduan awam melalui eAduan dan SISPAA, Laporan Kewangan dan Laporan Audit Dalam serta isu-isu yang dibangkitkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah (JAR) Jabatan dikaji dengan teliti manakala input-input penting dianalisis dalam pembangunan OACP.

Hasil daripada kajian berkenaan, kekuatan dan kelemahan dalaman serta luaran PPAT dianalisa bagi menentukan sebarang bentuk ancaman dan peluang yang boleh mendedahkan kepada berlakunya perlakuan jenayah rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan dalam kalangan warga PPAT.



PERANCANGAN SENARIO



ANALISIS DATA

“Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah mengkhianati Allah dan RasulNya, dan janganlah kamu mengkhianati amanah-amanah (yang diamanahkan kepada) kamu sedang kamu mengetahuinya.”

Al-Anfal , Ayat 27

ANALISA DATA

Jawatankuasa OACP PPAT telah menganalisa beberapa data yang dikumpul bermula tahun 2018 hingga 2022 bagi membantu menyenaraikan risiko-risiko yang mungkin menyumbang kepada isu berkaitan tadbir urus, integriti dan rasuah. Data-data yang diperolehi adalah berdasarkan aduan, tindakan tatatertib, laporan audit, laporan pengurusan, penilaian dan analisis risiko. Dapatan ini dibincang dan dianalisis sebelum dibuat penilaian risiko.


**ADUAN
INTEGRITI**

- A SALAH GUNA KUASA**
Apa-apa ketidakpatuhan kepada peraturan semasa menjalankan kuasa di bawah Akta 694 atau undang-undang lain
- B SALAH LAKU**
Apa-apa perbuatan yang melanggar tatakelakuan di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 dan Peraturan lain
- C CUAI**
Apa-apa kelalaian ketika melaksanakan pekerjaan, tugas atau arahan rasmi
- D PELBAGAI**
Apa-apa perbuatan yang tidak bersifat jenayah selain daripada Salah Laku, Salah Guna Kuasa dan Cuai

ADUAN INTEGRITI


Aduan yang diterima adalah melalui Sistem SISPAA, Sistem e-Aduan PPAT, Laman Facebook Rasmi dan Aduan Tatatertib. Berdasarkan keseluruhan jumlah aduan yang dianalisis, terdapat 42.9% aduan yang diterima diklasifikasikan sebagai bukan aduan dan 78.1 % daripada aduan tersebut dikategorikan sebagai Aduan Integriti.

Aduan Integriti pula dipecahkan kepada empat (4) jenis kesalahan iaitu salah guna kuasa, salah laku, cuai dan pelbagai. Berdasarkan statistik penerimaan Aduan Integriti di atas, hanya 1 % sahaja diambil tindakan tatatertib dan selebihnya adalah amaran pentadbiran. Walau bagaimanapun PPAT tidak berkompromi dengan warganya serta memberikan peringatan supaya semua kakitangan lebih efisien dalam menjalankan tugas sehari-hari.



TINDAKAN TATATERTIB

Statistik kesalahan tatatertib bagi lima (5) tahun terakhir (2018-2022) mencatatkan hanya seorang sahaja daripada keseluruhan warga PPAT telah dikenakan tindakan tatatertib disebabkan kes salah laku (penyalahgunaan dadah) manakala aduan-aduan integriti yang lain disiasat dan dikenakan tindakan amaran pentadbiran.



Carta Penerimaan Aduan Integriti



Carta Tindakan Tatatertib

LAPORAN PENGURUSAN

PENGURUSAN KEWANGAN

Pengurusan Kewangan merupakan entiti yang penting bagi sebuah organisasi demi memastikan sesebuah organisasi itu cemerlang dengan amalan tadbir urus yang baik. Data berkaitan pengurusan kewangan diguna pakai dalam membangunkan Pelan Anti-rasuah ini. Laporan Jabatan Audit Negara (JANM) digunakan sebagai kaedah pengukuran Pengurusan Kewangan di PPAT melalui Indeks Akauntabiliti.

Mengikut rekod, PPAT telah menerima Perakuan Bersih daripada JANM pada tahun 2018, 2019, 2020 dan 2021. Berdasarkan laporan Ketua Audit Negara, prestasi dan pengurusan kewangan PPAT berada dalam tahap yang baik. Walaubagaimanapun bagi memastikan tiada pelanggaran dalam tadbir urus, integriti dan antirasuah, PPAT telah mengambil beberapa inisiatif awal dengan menggunakan teguran audit sebagai panduan dalam membangunkan OACP supaya pengurusan kewangan ini menjadi lebih baik.



SOAL SELIDIK


INTEGRITI

Hasil analisa borang soal selidik berkenaan isu integriti yang dijawab oleh 141 orang responden (warga PPAT) didapati pengetahuan responden berkaitan jenayah rasuah adalah tinggi namun begitu potensi risiko berlakunya jenayah rasuah di PPAT adalah rendah.



Sebanyak 15.6 % daripada keseluruhan responden merupakan individu yang terdedah kepada ruang dan peluang berlakunya rasuah. Terdapat 3.5% responden merasakan isu rasuah di organisasi sangat membimbangkan namun begitu hampir keseluruhan responden yakin dengan komitmen pihak Pengurusan Tertinggi dalam mengatasi masalah rasuah dan tatatertib di PPAT.

Melalui dapatan ini boleh dirumuskan bahawa kesemua responden tahu dan faham mengenai integriti serta faham dengan tanggungjawab masing-masing untuk memerangi rasuah dan berpegang teguh dengan nilai-nilai integriti.

Soalan : Adakah jawatan & fungsi anda terdedah kepada ruang berlaku rasuah ?



Soalan : Isu rasuah di organisasi saya sangat membimbangkan?




Soalan : Pada pendapat anda adakah organisasi anda mengamalkan tadbir urus yang baik?

PENILAIAN RISIKO

Jabatan ini telah menyiapkan Pelan Pengurusan Risiko Rasuah atau CRM dan telah dilancarkan pada 3 Mac 2022. Penilaian dan Pengurusan Risiko adalah hasil usaha bersama semua bahagian dan unit di PPAT bagi mengenalpasti dan menganalisis bidang tumpuan serta pemilik risiko, seterusnya menilai kategori risiko yang wujud.

Penetapan dibuat bagi menguruskan risiko sama ada melalui kawalan sedia ada atau inisiatif baru melalui OACP. Penilaian Risiko Rasuah bagi PPAT telah dianalisis berdasarkan lima (5) sumber yang diperolehi melibatkan data rasuah, tadbir urus dan integriti. Data digunakan adalah bagi tempoh lima (5) tahun iaitu bermula tahun 2018 sehingga 2022.



ANALISIS RISIKO

15 risiko telah dikenalpasti dan dianalisis

BIL.	ISU	RISIKO	KATEGORI RISIKO	BIDANG KEUTAMAAN
1	Rasuah	Penerimaan rasuah oleh pegawai daripada pihak ketiga bagi urusan penyelenggaraan kenderaan jabatan	Tinggi	Pentadbiran & Sumber Manusia
2	Rasuah	Penerimaan rasuah daripada pihak ketiga untuk membocorkan maklumat sulit kerajaan berkenaan sesuatu tender / sebutuharga	Tinggi	Perolehan & Kewangan
3	Integriti	Lewat hadir bertugas	Signifikan	Pentadbiran & Sumber Manusia
4	Integriti	Penyalahgunaan dadah	Signifikan	Pentadbiran & Sumber Manusia
5	Rasuah	Penerimaan rasuah bagi melantik/memilih pembekal peralatan pejabat	Tinggi	Pentadbiran & Sumber Manusia
6	Rasuah	Penerimaan rasuah daripada pembekal/kontraktor bagi urusan penyelenggaraan bangunan	Tinggi	Pembangunan
7	Rasuah	Penerimaan rasuah daripada vendor untuk membuat laporan tidak mengikut situasi sebenar projek	Tinggi	Pembangunan
8	Rasuah	Salahguna kuasa dalam penyelewengan kutipan hasil jabatan	Tinggi	Perolehan & Kewangan
9	Rasuah	Tuntutan palsu dalam meminda/memalsukan dokumen perolehan sumber perpustakaan	Signifikan	Perolehan & Kewangan
10	Rasuah	Salahguna kuasa untuk memecah kecil perolehan bagi mengelakkan proses perolehan secara terbuka	Signifikan	Perolehan & Kewangan
11	Rasuah	Tuntutan palsu dengan cara berpaktat dengan vendor dalam penetapan harga atau jumlah barang dalam dokumen perolehan	Tinggi	Perolehan & Kewangan
12	Rasuah	Tuntutan palsu dalam menguruskan perbelanjaan panjar wang runcit	Tinggi	Perolehan & Kewangan
13	Rasuah	Tuntutan palsu dalam perolehan keperluan aktiviti	Signifikan	Perkhidmatan
14	Tadbir Urus	Pelanggaran Prosedur Operasi Standard (SOP) dalam pengurusan kewangan	Signifikan	Perolehan & Kewangan
15	Tadbir Urus	Tidak mengeluarkan resit bagi denda lewat hantar buku yang dikenakan ke atas pengguna	Sederhana	Perkhidmatan

INISIATIF



“Mereka sangat suka mendengar berita-berita dusta, sangat suka memakan segala yang haram (rasuah dan sebagainya)”

Al-Maaidah, Ayat 42

VISI


MISI & MATLAMAT



KERANGKA OACP



BIDANG KEUTAMAAN



STRATEGI OBJEKTIF STRATEGIK



STRATEGI
01

Memperkasakan kompetensi dan integriti dalam pengurusan pentadbiran

OBJEKTIF

Meningkatkan nilai-nilai murni dan integriti warga kerja PPAT

Memantapkan pengurusan dan tadbir urus

STRATEGI
02

Mempertingkatkan ketelusan, keberkesaan dan pemantauan pelaksanaan projek pembangunan

OBJEKTIF

Meningkatkan ketelusan serta mengurangkan risiko rasuah dan penyelewangan dalam projek pembangunan

Mengoptimumkan penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi

STRATEGI
03

Mempertingkatkan keberkesaan serta integriti dalam perolehan dan pengurusan kewangan

OBJEKTIF

Meningkatkan ketelusan perolehan, pengurangan risiko rasuah dan penyelewangan

Memantau pematuhan ke atas arahan serta pekeliling berkaitan perolehan dan kewangan

STRATEGI
04

Memperkuuh penyampaian perkhidmatan perpustakaan

OBJEKTIF

Meningkatkan keberkesaan penyampaian perkhidmatan perpustakaan dengan cekap dan berkesan

INISIATIF & PELAN TINDAKAN

BIDANG
KEUTAMAAN
**PENTADBIRAN &
SUMBER MANUSIA**

PELAN ANTIRASUAH
PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM
TERENGGANU
2023 - 2027

BIDANG KEUTAMAAN : **PENTADBIRAN & SUMBER MANUSIA**

STRATEGI 1: MEMPERKASAKAN KOMPETENSI DAN INTEGRITI DALAM PENGURUSAN PENTADBIRAN

Objektif Strategik	1.1	Meningkatkan Nilai-Nilai Murni Dan Integriti Warga Kerja PPAT	
Bil.	Inisiatif	Pelaksana	Tempoh Masa
1.1.1	Menyediakan perkhidmatan kaunseling dan motivasi	Bahagian Khidmat Pengurusan	5 Tahun (Jan 2023 - Dis 2027)
1.1.2	Mengenakan tindakan punitif kepada kakitangan yang terlibat dengan kesalahan	Bahagian Khidmat Pengurusan	5 Tahun (Jan 2023 - Dis 2027)

Objektif Strategik	1.2	Memantapkan Pengurusan Dan Tadbir Urus	
Bil.	Inisiatif	Pelaksana	Tempoh Masa
1.2.1	Melaksanakan program kesedaran berkaitan peraturan-peraturan pegawai awam	Bahagian Khidmat Pengurusan	5 Tahun (Jan 2023 - Dis 2027)
1.2.2	Penggiliran tugas bagi pegawai yang terlibat selari dengan pekeliling kerajaan	Bahagian Khidmat Pengurusan	5 Tahun (Jan 2023 - Dis 2027)
1.2.3	Pelaksanaan tapisan keselamatan yang ketat	Bahagian Khidmat Pengurusan	5 Tahun (Jan 2023 - Dis 2027)
1.2.4	Pematuhan dalam pengurusan kontrak bekalan dan perkhidmatan kerajaan	Bahagian Khidmat Pengurusan	5 Tahun (Jan 2023 - Dis 2027)

INISIATIF & PELAN TINDAKAN

**BIDANG
KEUTAMAAN
PEMBANGUNAN**

**PELAN ANTIRASUAH
PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM
TERENGGANU
2023 - 2027**

BIDANG KEUTAMAAN: PEMBANGUNAN

STRATEGI 2 : MEMPERTINGKATKAN KETELUSAN, KEBERKESANAN DAN PEMANTAUAN PELAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN

Objektif Strategik	2.1	Meningkatkan ketelusan serta mengurangkan risiko rasuah dan penyelewangan dalam projek pembangunan	
Bil.	Inisiatif	Pelaksana	Tempoh Masa
2.1.1	Menambahbaik prosedur operasi penyelenggaraan bangunan	Unit Selenggara	Setiap 1 Tahun (Jan 2023 - Dis 2027)
2.1.2	Pemantauan dan audit dalaman bagi projek-projek pembangunan	Unit Audit Dalam	5 Tahun (Jan 2023 - Dis 2027)
2.1.3	Mewujudkan surat akuan integriti di antara pegawai dan vendor yang terlibat dengan projek pembangunan dan perolehan kerajaan	Bahagian Khidmat Pengurusan	6 Bulan (Jan - Jun 2023)

Objektif Strategik	2.2	Mengoptimumkan Penggunaan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi	
Bil.	Inisiatif	Pelaksana	Tempoh Masa
2.2.1	Menambahbaik kaedah pengurusan manual kepada sistem atas talian yang sistematis mengikut keperluan	Unit Teknologi Maklumat	5 Tahun (Jan 2023 - Dis 2027)
2.2.2	Menambahbaik prosedur operasi pembangunan dan perolehan ICT	Unit Teknologi Maklumat	Setiap 1 Tahun (Jan 2023 - Dis 2027)
2.2.3	Menambah baik sistem e-Aduan dan membuat hebahan saluran-saluran aduan kepada pelanggan perpustakaan	Unit Teknologi Maklumat	6 Bulan (Jan - Jun 2023)

INISIATIF & PELAN TINDAKAN

**BIDANG
KEUTAMAAN
PEROLEHAN &
KEWANGAN**

**PELAN ANTIRASUAH
PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM
TERENGGANU
2023 - 2027**

BIDANG KEUTAMAAN: PEROLEHAN & KEWANGAN

STRATEGI 3 : MEMPERTINGKATKAN KEBERKESANAN SERTA INTEGRITI DALAM PEROLEHAN DAN PENGURUSAN KEWANGAN

Objektif Strategik	3.1	Meningkatkan Ketelusan Perolehan, Pengurangan Risiko Rasuah Dan Penyelewengan	
Bil.	Inisiatif	Pelaksana	Tempoh Masa
3.1.1	Pengemaskinian kriteria / garis panduan pemilihan / penilaian bahan	Bahagian Pengurusan dan Pembangunan Koleksi	5 Tahun (Jan 2023 - Dis 2027)
3.1.2	Pemantauan dan penilaian pembekal	Bahagian Pengurusan dan Pembangunan Koleksi	Setiap 1 Tahun (Jan 2023 - Dis 2027)
3.1.3	Mewujudkan sistem pesanan dan perolehan yang lebih sistematik	Bahagian Khidmat Pengurusan	2 Tahun (Jan 2023 - Dis 2024)

Objektif Strategik	3.2	Memantau Pematuhan Ke Atas Arahan Serta Pekeliling Berkaitan Perolehan Dan Kewangan	
Bil.	Inisiatif	Pelaksana	Tempoh Masa
3.2.1	Pemantauan dan penilaian melalui audit kewangan dan audit dalam	Unit Audit Dalam	Setiap 3 Bulan (Jan 2023 - Dis 2027)
3.2.2	Memantapkan sistem pengurusan kewangan yang sistematik, bersepadau dan berintegriti	Unit Kewangan	2 Tahun (Jan 2023 - Dis 2024)

INISIATIF & PELAN TINDAKAN



**BIDANG
KEUTAMAAN
PERKHIDMATAN**

**PELAN ANTIRASUAH
PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM
TERENGGANU
2023 - 2027**

BIDANG KEUTAMAAN: **PERKHIDMATAN**

STRATEGI 4 : MEMPERKUKUH PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN

Objektif Strategik	4.1	Meningkatkan Keberkesanannya Penyampaian Perkhidmatan Perpustakaan Dengan Cekap Dan Berkesan	
Bil.	Inisiatif	Pelaksana	Tempoh Masa
4.1.1	Penambahbaikan garis panduan perkhidmatan kaunter	Bahagian Perkhidmatan dan Pengurusan Maklumat	Setiap 1 Tahun (Jan 2023 - Dis 2027)
4.1.2	Penambahbaikan modul bayaran dengan mewujudkan perkhidmatan bayaran tanpa tunai	Bahagian Perkhidmatan dan Pengurusan Maklumat	2 Tahun (Jan 2023 - Dis 2024)
4.1.3	Melaksanakan kursus perkhidmatan kaunter kepada semua pegawai yang berkenaan	Bahagian Perkhidmatan dan Pengurusan Maklumat	Setiap 1 Tahun (Jan 2023 - Dis 2027)
4.1.4	Penempatan semula kakitangan berdasarkan keperluan dan kemahiran dengan melaksanakan pusingan kaunter	Bahagian Perkhidmatan dan Pengurusan Maklumat	Setiap 1 Tahun (Jan 2023 - Dis 2027)

PEMANTAUAN & PENILAIAN

**“Rasulullah SAW telah melaknat (mengutuk) pemberi rasuah
dan penerima rasuah.”**

(Riwayat Abu Dawud 3580, al-Tirmizi 1337)

MEKANISME PENYELARASAN & PENILAIAN


Jawatankuasa OACP merupakan sekretariat yang menyelaras pembangunan dan pelaksanaan OACP PPAT serta berperanan memantau, menilai dan melapor pencapaiannya. Mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah (JAR) Jabatan berfungsi sebagai mekanisme yang akan menerima laporan, membuat keputusan dan memantau pelaksanaan OACP.

Bagi memantapkan sistem pemantauan pelaksanaan Pelan Antirasuah ini, semua Ketua Bahagian dan Unit dikehendaki :

- 1) Melantik penyelaras bagi memantau pelaksanaan inisiatif dan pelan tindakan di peringkat bahagian dan unit masing-masing.
- 2) Melaksanakan dan memantau program – program yang telah ditetapkan
- 3) Mengemukakan laporan pelaksanaan program bagi setiap suku tahun kepada Urusetia OACP
- 4) Urusetia OACP akan melaporkan status tindakan atau pelaksanaan kepada Jawatankuasa Antirasuah (JAR) Jabatan.



MEKANISME PELAPORAN OACP



Bagi memastikan pelaksanaan Pelan Antirasuah PPAT 2023-2027 ini dapat bergerak seiring dengan keperluan NACP maka Jawatankuasa Pembangunan OACP PPAT yang terdiri daripada wakil setiap bahagian dibentuk. Setiap laporan akan dikemukakan oleh Bahagian dan Unit sekurang-kurangnya 3 kali setahun. Unit Integriti Jabatan selaku urusetia akan bertanggungjawab dalam membuat analisis dan laporan kepada Mesyuarat Pengurusan dan Mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah (JAR) peringkat jabatan dan kemudian dibentang ke dalam Mesyuarat Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu dan Mesyuarat JAR Negeri.

Status pencapaian dan pelaksanaan Inisiatif dan Pelan Tindakan akan dibentang oleh Unit Integriti di dalam Mesyuarat JAR Jabatan dan Mesyuarat Pengurusan. Teguran daripada kedua-dua mesyuarat ini akan diambil kira dalam penambahbaikan pada Pelan Antirasuah PPAT ini.

FORMAT

PELAPORAN OACP

BAHAGIAN / UNIT	
BIDANG KEUTAMAAN	
STRATEGI	
OBJEKTIF STRATEGIK	
TARIKH LAPORAN	

BIL	PROGRAM / AKTIVITI	KUMPULAN SASARAN	PELAKSANAAN	TINDAKAN	TARIKH	CATATAN

PENUTUP

Pembangunan Pelan Antirasuah PPAT (OACP) 2023 - 2027 merupakan komitmen organisasi ini dalam memantapkan pengukuhan governans, serta membentuk organisasi yang bebas rasuah dan berintegriti tinggi. Justeru, sebanyak dua puluh satu (21) Inisiatif melalui empat (4) strategi telah digariskan di dalam OACP ini. Pelan ini juga akan sentiasa dipantau dan dikaji keberkesanannya sepanjang tempoh pelaksanaan selaras dengan perubahan risiko yang dihadapi. Oleh itu, kerjasama dan komitmen secara berterusan dari semua warga PPAT amat diperlukan bagi memastikan OACP ini mencapai matlamatnya.

GLOSARI

CRM	Corruption Risk Management
ICT	Information and Communication Technology
JANM	Jabatan Audit Negara Malaysia
JAR	Jawatankuasa Antirasuah
LMS	Library Management System
MACA	Malaysia Anti-Corruption Academy
NACP	National Anti-Corruption Plan
OACP	Organisation Anti Corruption Plan
PNM	Perpustakaan Negara Malaysia
PPAT	Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu
SISPAA	Sistem Pengurusan Aduan Awam
SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
UI	Unit Integriti

PELAN ANTIRASUAH

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAN TERENGGANU

2023-2027



ڤِيَرَانَنْ فِيَرَقُونْ سَاكَانْ عَكَامْ تَرَغَنْ كَلَوْنْ
Jalan Kemajuan, Padang Hiliran
21572 Kuala Terengganu
Terengganu Darul Iman



www.trglib.gov.my



+609-622 1100 / +609-622 0052



+609-622 1534



ppat@trglib.gov.my

